

**UCAPAN ALUA-ALUAN**  
**Awang Haji Metassan bin Haji Abd Salim**  
**Pemangku Pengarah BINA**  
**selaku Pengerusi Majlis**

*BERTEMPAT*

DEWAN SETIA PAHLAWAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
*PADA*

HARI KHAMIS

10 Jamadilakhir 1435/ 10 April 2014

## **BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM**

Yang Berhormat,

Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya Bin  
Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia

Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja  
Dato Seri Utama (Dr) Haji Awg Mohd Jamil Al-Sufri  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia

Timbalan dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap  
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Yang Mulia

Ketua-Ketua Jabatan,  
Ketua-Ketua Pusat,  
Pegawai-pegawai Kanan,  
Pegawai dan kakitangan jabatan dan bahagian di bawah Kementerian  
Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta hadirin hadirat yang  
dihormati sekalian

## **ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA**

Terlebih dahulu, kaola ingin menrakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas kesudian Yang berhormat Pehin menjadi tetamu kehormat di majlis ini dan seterusnya menyaksikan pertandingan antara kumpulan yang berkisar mengenai sekumpulan pengusaha yang menceburi bidang perniagaan dan memiliki cita-cita yang besar untuk berjaya.

Alhamdulillah, bengkel yang bertajuk ***“Inspiring Intra-preneurship Innovation”*** selama 4 hari yang bermula daripada 7 hb April lalu telah berjalan dengan baik dan lancar. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa permudahcaraan perniagaan dan dihasratkan untuk memberi peluang dan pendedahan khusus kepada “frontliners” atau barisan hadapan pendekatan terbaik yang berinovatif sebagai pemudahcara perkhidmatan perniagaan kepada orang ramai.

Melihat daripada semangat tinggi individu dan berpasukan yang ditunjukkan oleh para peserta sepanjang menyertai bengkel yang berjalan selama 4 hari, bolehlah dirumuskan bahawa bengkel ini sedikit sebanyak telah berjaya mencapai sasaran untuk menjadikan “frontliners” di bawah KPSSU lebih bersedia, proaktif, fleksibel dan peka dengan keperluan-keperluan orang ramai khususnya para pengusaha yang ingin berurusan dengan kementerian ini bagi membantu mereka menangani sebarang kesulitan yang mungkin berpunca antara lainya berkaitan dengan cara

layanan, penyediaan kemudahan dan prosedur yang membebaskan mereka.

Dengan memahami apa-apa jua keperluan para pengusaha kecil dan sederhana (PKS) terutama yang bergiat aktif dalam pelbagai sektor perniagaan seperti pembuatan, pertanian, perikanan, pelancungan, perhutanan dan perkhidmatan, agensi-agensi yang berkaitan dalam kementerian ini akan mampu memberi perkhidmatan yang cepat, produktif dan berkualiti.

Bengkel ini juga dihasratkan sebagai “**ice breaker**” yang bakal merintis jalan dan hala tuju baru kepada para pegawai dan kakitangan kementerian ini untuk lebih responsif dengan kepada semasa terutama sekali dalam landskap dunia pengurusan dan perniagaan yang semakin terbuka luas. Dengan mempersiapkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu, apa-apa jua cabaran yang dihadapi dalam menghulurkan perkhidmatan yang terbaik akan membantu mempertingkatkan lagi imej agensi-agensi berkenaan dan kementerian khususnya dalam sama-sama menjana dan mengembangkembangkan perekonomian negara.

Hari ini, para peserta akan membentangkan cadangan perniagaan (business proposal) masing-masing daripada kajian kes yang khusus difokuskan dalam perspektif perniagaan di Brunei Darussalam. Tiga panel hakim telah dilantik untuk mengadil pertandingan ini dan permarkahan akan dinilai termasuklah dari segi penampilan diri,

cadangan strategi, corak penyampaian, kaedah penyelesaian kes dan peluang-peluang perniagaan masa hadapan. Diharapkan, melalui pertandingan ini akan tercetus idea-idea yang baru, bernas dan kukuh untuk diterapkan dalam etika kerja di pejabat dan harian. Kepada kumpulan yang bertanding, diucapkan selamat bertanding dan semoga perkongsian idea-idea yang padat dan hujah-hujah yang konklusif dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai.

Untuk akhirnya, Kaola sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas kehadiran Yang berhormat Pehin menjadi tetamu kehormat dalam majlis ini dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Wabillahit Taufik    Walhidayah    Wassalamualaikum    Warahmatullahi  
Wabarakatuh.